

**Rujukan emel : BPOPP/SPO (Emel)/2025 (29)**  
**Tarikh : 17 Januari 2025**

Assalamualaikum/ Salam Sejahtera,

Tuan/ Puan,

**PENGESAHAN MOF BAGI TUJUAN PENYERAGAMAN OPERASI AO :  
PENGESAHAN PENGELUARAN PESANAN KERAJAAN (PK) / TANGGUNGAN  
KONTRAK PADA AWAL TAHUN**

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Merujuk kepada e-mel yang diterima dari Bahagian Pengurusan Operasi Pejabat Perakaunan (BPOPP) dan MOF bertarikh 17 Januari 2025, mengambil kira tempoh penyaluran peruntukan pada setiap awal tahun, Bahagian Perolehan Kerajaan, MOF berpandangan bahawa suatu peraturan tanggungan peruntukan khusus bagi pelaksanaan pada awal tahun wajar juga diberi perhatian bagi situasi dimana perkhidmatan yang bermula sebelum penyaluran peruntukan dibuat.

3. Sehubungan itu, MOF tiada halangan bagi Pesanan/ Pertanggungan Kontrak **pada awal tahun** dilakukan setelah peruntukan diterima pada bulan Januari xxx. **(Penetapan peruntukan diterima sehingga bulan Januari xxx sahaja mengambil kira pertanggungan dilakukan pada bulan semasa iaitu pada bulan Januari xxx)**. MOF bersetuju kebenaran ini adalah rujukan secara berterusan untuk tahun seterusnya.

4. Justeru, bagi Pesanan/Pertanggungan Kontrak yang telah dikuiiri oleh Pejabat Perakaunan sebelum arahan melalui e-mel ini diterima, PTJ boleh mengeluarkan semula Pesanan/Pertanggungan Kontrak untuk tindakan semakan Pejabat Perakaunan.

Sekian dimaklumkan.

**UNIT PENGURUSAN DANA  
JANM NEGERI PERAK  
18 JANUARI 2025**